



## "ZAKAT FITRAH PELENGKAP RAMADHAN". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Bersempena hari Jumaat terakhir di Bulan Ramadhan yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat agar sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "<b>ZAKAT FITRAH PELENGKAP RAMADAN</b>".</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6



<p>Zakat fitrah ialah kewajipan yang diperintahkan Allah SWT kepada seluruh umat Islam. Hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa beliau berkata:</p> <p>أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ، صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، عَلَى كُلِّ حُرٍّ، أَوْ عَبْدٍ، ذَكَرٍ، أَوْ أُنْثَى، مِنَ الْمُسْلِمِينَ.</p>	7
<p><i>“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadan dengan kadar satu gantang daripada tamar atau satu gantang daripada gandum ke atas setiap yang merdeka dan hamba, lelaki dan perempuan di kalangan orang-orang Islam.”</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari)</p>	8
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Sesungguhnya pensyariatian Zakat fitrah kepada kita semua merupakan suatu rahmat Allah SWT. Zakat fitrah adalah wajib ditunaikan sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.</li><li>Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari.</li><li>Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.</li><li>Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadan iaitu malam hari raya.</li></ol>	9



<p>Melalui zakat fitrah yang ditunaikan, Allah SWT menjanjikan keampunan dan penyucian dari perbuatan dosa yang dilakukan oleh orang yang berpuasa. Hadis daripada Abdullah Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma beliau berkata:</p> <p>فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ، مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَمِئَ زَكَاةٍ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَمِئَ صَدَقَةٍ مِنَ الصَّدَقَاتِ</p>	10
<p><i>“Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah itu sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa dari perbuatan sia-sia dan dari perkataan yang keji dan untuk memberi makan orang miskin. Sesiapa yang mengeluarkannya sebelum solat (Aidilfitri), maka ia adalah zakat yang di terima dan sesiapa yang mengeluarkannya sesudah solat (Aidilfitri), maka ia dinilai sebagai satu sedekah dari sedekah-sedekah biasa.”</i></p> <p>(Riwayat Abu Daud).</p>	11
<p>Ibadah Zakat fitrah yang kita tunaikan akan dapat menggembirakan hati asnaf fakir dan miskin dalam menjalani kehidupan di bulan Ramadan lebih-lebih lagi kegembiraan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri seperti umat Islam yang lain</p>	12
<p>sepertimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma:</p> <p>أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ، وَأَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى سُرُورٌ تَدْخُلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ، أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كُرْبَةً، أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا، أَوْ تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا</p>	13



<p><i>“Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lainnya, sedangkan amal yang paling dicintai oleh Allah adalah kebahagiaan yang engkau berikan kepada diri seorang muslim atau engkau menghilangkan kesulitannya atau engkau melunasi hutangnya atau membebaskannya dari kelaparan.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tabrani)</i></p>	14
<p><b>Hadirin yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, bayaran zakat fitrah pada tahun ini ialah sebanyak RM7.00 seorang. Walau bagaimanapun, umat Islam amat digalakkan untuk menunaikan zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan oleh diri dan keluarga. Sebagai contoh, sekiranya tuan-tuan menjadikan kebiasaan jenis Beras Putih Import atau Beras Perang sebagai makanan harian diri dan keluarga, maka digalakkan menunaikan zakat fitrah mengikut nilai harga beras tersebut iaitu <b>RM14.00 seorang</b>. Begitu juga sekiranya tuan-tuan memakan Beras Basmathi atau Beras Jepun untuk diri dan keluarga, maka digalakkan menunaikan zakat fitrah mengikut nilai harga beras tersebut iaitu <b>RM21.00 seorang</b>.</p>	15
<p>Galakkan membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu Anhu:</p> <p style="text-align: center;">كُنَّا نَخْرُجُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ يَوْمَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ، وَكَانَ طَعَامَنَا الشَّعِيرُ وَالزَّبِيبُ وَالْأَقِطُ وَالتَّمْرُ</p>	16



<p><i>“Sesungguhnya kami di zaman Rasulullah SAW mengeluarkan zakat fitrah satu gantang daripada makanan yang dimakan dan makanan kami adalah barli, kismis, keju dan kurma.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	17
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Pada tahun ini, seramai 2,800 orang penolong Amil Zakat Fitrah telah ditauliahkan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk membuat kutipan zakat fitrah di seluruh Negeri Selangor. Oleh itu, pastikan tuan-tuan menunaikan zakat fitrah melalui penolong amil zakat fitrah yang bertauliah sahaja demi memastikan pengurusan zakat tuan-tuan dapat diagihkan dengan sempurna kepada asnaf-asnaf yang berkeelayakan.</p>	18
<p>Hasil usaha gigih para penolong amil zakat fitrah ini bersama Lembaga Zakat Selangor, pada tahun lalu (2018) lebih <b>RM25 juta</b> telah berjaya dikutip. <b>Peningkatan sebanyak 7.35%</b> berbanding tahun 2017 lalu. Ini pastinya didorong oleh kesedaran umat Islam terhadap kewajipan menunaikan zakat. Ini dibuktikan berdasar kepada rekod di Lembaga Zakat Selangor, jumlah umat Islam di Selangor yang menunaikan zakat fitrah amat memberangsangkan apabila jumlah pembayar zakat fitrah di negeri ini meningkat setiap tahun. Sebagai contoh,</p>	19
<p>pada tahun 2018, seramai <b>3.5 juta</b> umat Islam di negeri ini telah menunaikan zakat fitrah. Jumlah ini <b>meningkat sebanyak 3.78%</b> berbanding tahun 2017.</p>	20
<p>Natijah daripada keprihatinan anda terhadap ibadah zakat fitrah ini, saban tahun asnaf fakir dan miskin di negeri ini akan menerima agihan lebih awal untuk menyambut Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.</p>	21



<p>Untuk makluman semua, pada tahun ini, <b>sejumlah RM26 juta</b> telah diagihkan kepada lebih <b>54 ribu</b> keluarga asnaf fakir miskin di seluruh Negeri Selangor demi memastikan mereka dapat menyambut Ramadan dan Hari Raya dengan sempurna.</p>	22
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Pihak masjid dan surau telah membuka kaunter pembayaran zakat fitrah sejak dari awal sehingga ke akhir Ramadan ini bagi memastikan tuan-tuan semua dapat melunaskan kewajipan zakat fitrah ini. Disamping itu juga, Lembaga Zakat Selangor telah meningkatkan kemudahan pembayaran zakat fitrah dengan memperkenalkan pembayaran zakat fitrah melalui <b>Aplikasi Mobile</b>. Melalui aplikasi ini, tuan-tuan akan dapat menunaikan zakat fitrah dengan lebih mudah dan bayaran akan direkodkan terus secara dalam talian (online) Lembaga Zakat Selangor. Aplikasi mudah ini disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor kepada para penolong amil fitrah yang terpilih di seluruh masjid dan surau Negeri Selangor.</p> <p>Selain itu, kemudahan-kemudahan pembayaran zakat fitrah juga turut disediakan seperti kaunter-kaunter cawangan Lembaga Zakat Selangor, kaunter bergerak, kaunter di Universiti awam dan swasta, ejen bank, pos, perbankan internet dan lain-lain lagi.</p> <p>Semoga dengan segala kemudahan ini, maka lebih ramai lagi umat Islam dapat melunaskan kewajipan ibadah zakat fitrah pada tahun ini.</p>	23



<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam wajib menunaikan zakat fitrah kerana ia adalah perintah yang difardhukan oleh Allah SWT kepada seluruh umat Islam.</li><li>2. Umat Islam hendaklah segera menunaikan zakat fitrah supaya dapat menggemirakan hati saudara kita yang diuji dengan kemiskinan dan kesusahan untuk mereka gembira menyambut Ramadan dan Hari Raya Idulfitri yang bakal menjelma.</li></ol>	24
<ol style="list-style-type: none"><li>3. Umat Islam hendaklah mensyukuri segala nikmat Allah Taala dengan mengeluarkan zakat fitrah bagi memberi dan membantu orang lain yang memerlukan dan mengelakkan sebarang pembaziran.</li><li>4. Umat Islam hendaklah menghayati hakikat zakat fitrah yang ianya bukan semata-mata mengeluarkan harta sahaja tetapi mendidik jiwa supaya tidak menjadi orang kedekut.</li></ol>	25
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ</p> <p style="text-align: center;">تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ <sup>قَل</sup> إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾</p>	26



<p><i>“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.”</i></p> <p><i>(Surah al-Baqarah : 110).</i></p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>  Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تغكو أمير شاه إنبالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15